

15/01/2002

Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar masih lemah

Salina Abdullah; Ahmad Ghazali Musa

PERDANA Menteri menyifatkan tragedi banjir lumpur Gunung Pulai, Johor, yang mengorbankan lima nyawa itu antara paling dahsyat pernah berlaku di negara ini ketika melawat tempat dan mangsa kejadian baru-baru ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu siasatan terperinci dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian itu. Hasil siasatan itu pasti dinantikan masyarakat umum terutama mangsa kejadian.

Dalam kejadian kira-kira jam 11 malam 28 Disember, timbunan balak, tunggul kayu dan sampah dibawa air deras ke kaki Gunung Pulai, sekali gus menghanyutkan 14 rumah di Kampung Sri Gunung Pulai, kira-kira lapan kilometer dari Pekan Nanas, Pontian. Rempuhan air dan sisa kayu turut mengorbankan lima sekeluarga.

Pelbagai pihak memberikan pelbagai pandangan berhubung kejadian itu. Seperti kejadian banjir lumpur serta banyak lagi masalah alam sekitar lain di negara ini, pembangunan tidak mapan, tidak terancang, tidak terkawal sering didakwa menjadi penyebab masalah.

Tragedi di Gunung Pulai tidak terkecuali. Pembangunan pesat yang tidak terkawal dan pembalakan secara haram digambarkan sebagai punca masalah, hanya kerana banjir lumpur itu menghanyutkan timbunan balak yang banyak.

Bagaimanapun, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, menafikan dakwaan itu, sebaliknya dilaporkan berkata, takungan air di kawasan berkenaan sebagai punca kejadian.

Pensyarah Kejuruteraan Geoteknikal dan Geologi, Jabatan Geoteknik dan Pengangkutan, Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Azman Kassim, yang dipertanggungjawab menjalankan kajian tragedi itu, turut menolak kemungkinan tragedi itu berpunca daripada kegiatan pembalakan haram atau kegiatan lain di kawasan berkenaan .

Taburan hujan yang tinggi sehingga 155 milimeter (mm) sehari pada hari kejadian berbanding hanya antara 10 hingga 20 mm pada hari biasa dikatakan antara penyumbang kepada tragedi itu.

Struktur tanah dan batu batan yang sudah terluluhawa serta keadaan pokok balak yang tidak mencengkam kukuh memburukkan keadaan.

Azman berkata, berdasarkan pemerhatian rambang dan kajian awal, didapati lapisan tanah bahagian paling atas atau dipanggil tanah baki berkedalaman 7.5 meter (15 kaki) ditolak aliran laju ketika banjir lumpur itu.

Tragedi itu juga menyebabkan perubahan besar kepada sistem saliran Sungai Pulai. Sungai yang dulunya hanya selebar 1.5 meter (lima kaki) menjadi 60 meter (200 kaki) ekoran kejadian itu, yang turut memusnahkan sistem ekologi, batu batan, tumbuhan dan hidupan liar di hutan simpan kekal berkenaan.

Walau apapun penyebab kejadian itu, tragedi Gunung Pulai berkenaan sudah meragut lima nyawa. Tiada apa yang boleh dilakukan lagi untuk menghalang kejadian itu tetapi mungkin boleh bagi mengelak kejadian sama berulang.

Banjir lumpur bukan bencana asing di negara ini. Sudah puluhan malah ratusan nyawa terkorban kerananya. Ini belum lagi mengambil kira kemusnahan harta benda dan persekitaran.

Banjir lumpur di Pos Dipang pada Ogos 1996, umpamanya meranapkan penempatan Orang Asli dan meragut 44 nyawa.

Pada 27 November 2000, banjir lumpur menghanyutkan beratus tan sisa balak di Sungai Sungkai Perak dan hampir meragut nyawa 545 keluarga di kawasan sekitarnya.

Seperti tragedi Pos Dipang, Sungai Sungkai dan yang terbaru ini, Gunung

Pulai, pelbagai pihak memberikan hujah mereka berhubung kejadian itu. Kejadian semula jadi, pembangunan tidak mapan, tidak terkawal malah pembalakan secara haram.

Persoalannya, jika alasan ini dapat dikemukakan, mengapa kejadian yang meragut nyawa dan memusnahkan harta benda ini terus dibiarkan berlaku?

Adakah kajian yang dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian sekadar mematuhi arahan pihak tertentu?

Tidakkah ada undang-undang atau garis panduan yang dapat menangani kejadian itu atau setidak-tidaknya mengurangkan kesan buruk apabila tragedi itu berlaku?

Memang tidak dinafikan kejadian alam di luar jangkaan dan jangkauan manusia. Hujan lebat, pokok tua, tumbang dan dihanyutkan aliran air yang deras bersama tanah yang longgar mengakibatkan banjir lumpur.

Namun, mungkin juga tidak salah jika dikatakan keadaan yang disifatkan sebagai kejadian semula jadi itu adakalanya berlaku disebabkan perbuatan manusia, sama ada secara sengaja atau tidak.

Kegiatan manusia yang tidak teratur, termasuk pembalakan, sama ada sah atau haram, mengganggu sistem ekologi, menjejaskan dan melonggarkan struktur tanah sehingga memudahkan ia dihanyutkan aliran air deras apabila hujan lebat.

Pembukaan atau penerokaan tanah serta kegiatan pembalakan tidak terkawal, yang tidak disertai penanaman semula menyebabkan sesuatu kawasan lebih terdedah kepada hakisan dan dihanyutkan aliran air deras.

Bukan tidak ada undang-undang yang mengawal kegiatan di hutan. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, menerusi laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) menggariskan keperluan menjalankan kegiatan mengikut undang-undang alam sekitar bagi memulihara alam sekitar, sekali gus kesejahteraan penghuninya.

Langkah sama dilaksanakan Jabatan Perhutanan, yang menggariskan syarat bagi lesen pembalakan dan pelbagai kegiatan lain di hutan.

Pendek kata, undang-undang berkaitan bagi memulihara kesejahteraan alam sekitar dan manusia sudah terbentang tetapi mengapa kemalangan yang adakalanya difikirkan boleh dielak, tetap berlaku.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, baru-baru ini ketika diminta mengulas tragedi di Gunung Pulai, memberikan jawapan yang sudah dijangkakan.

"Ini di luar bidang kuasa kementerian saya. Soal tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri."

Satu jawapan yang mungkin tidak dapat diterima sebahagian masyarakat.

Apakah kesejahteraan kehidupan rakyat negara menjadi mainan tarik tali?

Pembabitkan semua pihak demi kebaikan dan keselamatan rakyat tidak harus dipandang ringan dan dianggap campur tangan.

Sikap keterbukaan, termasuk melangkaui bidang kuasa yang diberikan, dapat memberi perspektif lebih menyeluruh dalam menangani sesuatu bencana selain menggabungkan bijak pandai daripada pelbagai bidang.

Mungkin wujud keperluan kerajaan mengkaji semula aspek pertindihan kuasa membabitkan agensi pusat dan kerajaan negeri.

Law sebelum ini pernah mengakui sebahagian undang-undang negara membabitkan isu alam sekitar, masih longgar dan perlu dikaji semula.

Antara aspek yang perlu diberi penekanan, katanya, adalah masalah pertindihan kuasa antara jabatan dan agensi kerajaan, yang melemahkan penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang tempatan. Begitu juga masalah pertindihan kuasa antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

Sering timbul pertanyaan, siapakah yang lebih berkuasa antara kedua-duanya?

Ramai beranggapan kerajaan pusat sepatutnya mempunyai lebih suara, lebih-lebih lagi berdasarkan kenyataan Law kira-kira lapan tahun lalu,

bahawa kerajaan negeri akan disyaratkan berbincang dengan Kerajaan Pusat sebelum melaksanakan projek pembangunan di kawasan sensitif seperti lereng bukit dan hutan simpanan.

Tujuannya bagi menyelaraskan semua undang-undang alam sekitar bagi membolehkannya berfungsi lebih berkesan.

Namun, tidak keterlaluan jika dikatakan langkah itu sekadar satu cadangan atau syarat yang tidak diendahkan kerana hari ini, dalam kebanyakan masalah alam sekitar, terutama membabitkan soal hutan dan tanah, kerajaan pusat akan lepas tangan dan menuding jari kepada kerajaan negeri.

Setiap pihak berkaitan harus melihat perkara itu dengan serius kerana adalah tidak patut nyawa rakyat dipertaruhkan hanya kerana pertindihan kuasa.

(END)